

Razaleigh: Derma untuk kompleks Ibupejabat UMNO kini \$12 juta

BUALA LUMPUR, Selan-g — Kompleks Bangunan Ibupejabat UMNO menerima kira-kira \$12 juta derma setakat ini, kata Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah hari ini.

Bercakap kepada para pemberita ketika melawat ke tapak bangunan tersebut di sini tengah hari ini, beliau berkata, derma-derma tersebut diterima dari penerima-penerima dan juga ahli-ahli UMNO.

Beliau menyatakan kompleks UMNO ini bukan sahaja bergantung kepada wang derma tetapi

juga hasil pelaburan yang dibuat sejak 10 tahun lalu.

UMNO kini mempunyai pelaburan bernilai lebih kurang \$50 juta menurut harga pasaran semasa.

Kompleks UMNO akan dibina setinggi 35 tingkat di atas tapak 11.0337 ekar di Jalan Tun Ismail di sini. Harga bangunan tersebut dijangka antara \$160 hingga \$200 juta.

33 buah bas

Upacara meletakkan batu asas akan diadakan pada petang Khamis ini dan persiapan akhir sedang dibuat dengan lancar.

Tengku Razaleigh puashati dengan persiapan-persiapan yang dibuat itu.

Pengerusi upacara meletakkan Batu Asas Kompleks itu, Senator Datuk Sulaiman Nizam Shah memberi ucapan yang berlangsung selama kira-kira 15,000 orang akan hadir di majlis tersebut meskipun hanya 10,000 kad jemputan dikeluarkan.

Tigapuluh tiga buah bas akan disediakan untuk membawa orang ramai yang akan hadir ke majlis tersebut.

Tambahnya, 15 buah bas akan berada di Dewan Bahasa dan Pustaka manakala 18 buah lagi di tempat-tempat letak kereta di Taman Titivangsa, Kompleks Kerajaan Jalan Duta dan beberapa tempat lagi.

Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, akan merasmikan upacara perletakan batu asas itu.

Selain Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, sebagai mengenangkan jaas-jasanya yang besar kepada UMNO dan 'Bapa Kemerdekaan' akan diberi penghormatan menepung lawar batu asas tersebut.

Senator Datuk Sulaiman memberitahu, upacara tersebut akan diadakan mengikut adat istiadat Melayu termasuk pukulan kompang dan rebana ubi, bunga rampai dan sireh junjung.

Upacara melepaskan beratus belon dengan sepanduk bertulis juga diadakan.

"Berapa yang terjumpa sepanduk tersebut dan memulangkannya kepada UMNO akan diberi hadiah \$300," katanya.

Upacara tersebut akan disulami dengan pameran perjuangan UMNO di dua buah bangsal yang dibina khas.

Pentas khas akan disediakan untuk Datuk Hussein berucap merasmikan upacara itu.

Menurut Senator Datuk Sulaiman, Tunku Abdul Rahman, Tun Sharifah Rodiah, Tun Hajjah Raha, Toh Puan Norashikin dan Datin Hafizah, isteri Allahyarham Datuk Onn Jabar dan Ibu kepada Perdana Menteri akan hadir dalam majlis bersejarah itu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia